

30/09/2001

Duta dakwa pelampau pengaruhi pelajar Malaysia

KUALA LUMPUR: Kebanyakan rakyat Malaysia dan dari negara Islam lain yang dilatih Taliban adalah pelajar yang melanjutkan pelajaran di Pakistan, kata Duta Afghanistan ke Malaysia, Abdul Sattar Murad.

Abdul Sattar berkata, ketika tinggal di Pakistan, pelajar berkenaan berhubung dengan kumpulan pelampau agama dan politik Pakistan yang kemudian 'mempengaruhi' mereka pergi ke Afghanistan bagi menjalani latihan.

Menurut Abdul Sattar yang mewakili kerajaan Presiden Burhanuddin Rabbani, dua kumpulan Malaysia menjalani latihan di Afghanistan ketika pendudukan Soviet (1979-1989) dan kemudian ketika pemerintahan Taliban yang mengambil alih kuasa pada September 1996.

"Mereka tidak pergi terus ke Afghanistan. Tujuan mereka memang baik, untuk menimba ilmu agama di madrasah di Pakistan yang membolehkan mereka berhubung dengan kumpulan pelampau Pakistan," katanya menerusi telefon di sini, semalam.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, ada rakyat Malaysia menerima latihan daripada Taliban dan kembali ke Malaysia untuk menjatuhkan kerajaan, kononnya untuk mendirikan negara Islam.

Kini, pemerintah Taliban hanya diiktiraf Pakistan dan sudah dikecam masyarakat antarabangsa kerana pencabulan hak asasi manusia dan juga melindungi Osama bin Laden.

Abdul Sattar mendakwa pelajar berkenaan dipengaruhi kumpulan agama Pakistan seperti Jamaate Ulama Pakistan (puak Fazlur Rahman) kumpulan Jamaate Ulama Pakistan (puak Samaiul-Haq).

Kumpulan Lashkar-Taiba (disenaraikan sebagai kumpulan pengganas oleh Amerika) dan kumpulan Supahe Sahaba, kedua-duanya berjuang bagi kemerdekaan Kashmir dan berpangkalan di Pakistan, juga didakwa terbabit mempengaruhi pelajar bagi menerima latihan Taliban.

"Mereka dihantar atau dipengaruhi atas alasan berjuang dalam perang jihad di seluruh dunia dan membantu menegakkan kerajaan Islam," katanya.

Abdul Sattar berkata walaupun Taliban mengambil alih kuasa pada September 1996 rakyat Malaysia sudah menjalin hubungan dengan mereka seawal 1994.

Beliau juga mendakwa pihak perisikan tentera Pakistan, Inter Services Intelligence (ISI) mengetahui mengenai kehadiran rakyat Malaysia dalam kumpulan Taliban sejak dari awal.

Katanya, kebanyakan rakyat Malaysia mungkin sudah menjalani latihan di wilayah Khost dan Nangrahar, di sempadan Afghanistan-Pakistan, dan hasil maklumat, ada kira-kira 700 pelajar Malaysia yang kini menuntut di madrasah di Pakistan.

Ketika ditanya sama ada pelajar Malaysia ini mungkin pernah menemui Osama atau pemimpin agung Taliban Mullah Mohammed Omar, Abdul Sattar berkata: " Saya berpendapat sesiapa yang menjalani latihan di kawasan yang dikuasai Taliban mungkin berpeluang menemui Omar dan Osama."

Mengenai aspek latihan, Abdul Sattar berkata Taliban menyediakan latihan komando termasuk jerangkap samar dan latihan bagi aktiviti subversif. - Bernama

(END)